



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : USUL FIQH
KOD KURSUS : DPI2103
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:

BAHAGIAN A (20 Markah)	
BAHAGIAN B (60 Markah)	
BAHAGIAN C (20 Markah)	
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **dua puluh (20)** soalan.

Jawab **semua** dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Ilmu Usul Fiqh merupakan salah satu daripada cabang ilmu pengetahuan Islam.

Bilakah ilmu tersebut muncul?

- A** Awal kurun pertama hijrah
- B** Pertengahan kurun pertama hijrah
- C** Awal kurun kedua hijrah
- D** Pertengahan kurun kedua hijrah

2. Pengasas kepada ilmu Usul Fiqh ialah

- A** al-Mutakallimin
- B** al-Ahnaf
- C** as-Syafi'e
- D** al-Mutaakhirin

3. Antara berikut yang manakah merupakan kitab pertama yang disusun dalam ilmu Usul Fiqh?

- A** al-Am
- B** al-Wata'
- C** ar-Risalah
- D** al-Akhbar

4. Faktor-faktor para sahabat berkeupayaan mengistinbat hukum terus daripada al-Quran dan Sunnah

- i. Penguasaan bahasa Arab yang baik
 - ii. Mereka merupakan perawi hadis
 - iii. Mengetahui sebab nuzul Quran dan wurud hadis
 - iv. Timbul banyak masalah baru yang tiada nas secara jelas
- A** i,ii
 - B** i,iii
 - C** ii,iv
 - D** i,ii,iii

5. Antara berikut yang manakah merupakan sahabat Nabi yang mahir dalam ilmu istinbat hukum?

- i. Abdullah bin Mas'ud
- ii. Abu Bakar as-Siddiq
- iii. Zaid bin Thabit
- iv. Muaz bin Jabal

A i,ii

B i,iii

C ii,iv

D i,ii,iii

6. 'Cara penulisan ilmu Usul Fiqh menggabungkan kedua-dua cara'

Pernyataan 1

Pernyataan 1 di atas merujuk kepada

- A kaedah Mutakallimin
- B kaedah muta'akhirin
- C kaedah Ijtihad
- D kaedah Hanafi

7. Apakah penekanan utama dalam pengajaran al-Quran?

- A Sifat semulajadi manusia
- B Konsep ketauhidan Allah SWT
- C Kepentingan memperakui kewujudan Allah SWT
- D Akhlak dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah SWT

8. Siapakah yang ditugaskan untuk mengumpulkan al-Quran ke dalam satu mashaf?

- A Zaid bin Thabit
- B Abdullah bin Zubair
- C Abu Aswad al-Duwal
- D Uthman bin Affan

9. Antara berikut yang manakah contoh perbuatan Sunnah?

- A Perniagaan berunsur riba
- B Bersugi sebelum solat
- C Solat lima waktu sehari semalam
- D Berburu binatang selepas bertahalul

10. ‘Rasulullah SAW bediam diri terhadap perbuatan sahabat memakan daging dhab’

Pernyataan 2

Pernyataan 2 di atas merujuk kepada

- A Sunnah *Fi'liyah*
- B Sunnah *Qauliyah*
- C Sunnah *Takririyah*
- D Sunnah *Sifatiah*

11. Berikut merupakan ciri-ciri hadis Hasan

- A bersambung sanad, perawi adil, dhabit, tiada syaz
- B bersambung sanad, ada syaz, perawi lemah ingatan
- C bersambung sanad, perawi adil, tiada syaz, perawi kurang dhabit
- D bersambung sanad, perawi kurang adil, tiada syaz, kurang dhabit

12. Antara berikut yang manakah benar mengenai rukun Ijmak?

- A Hukum yang disepakati oleh ulama mujtahid
- B Ijmak berlaku sekiranya ada seorang mujtahid
- C Ahli Ijmak boleh menarik kembali persepakatan
- D Persepakatan dilarang melalui perkataan atau perbuatan

13. Berikut merupakan jenis-jenis Qiyas **kecuali**

- A Qiwas *Adna*
- B Qiwas *Aula*
- C Qiwas *Musawi*
- D Qiwas *Munqati'*

14. Di antara berikut yang manakah merupakan rukun Qiyyas?

- i. *al-Far'u*
- ii. *al-Syaz*
- iii. *al-Ilah*
- iv. *al-Thur*

- A** i,ii
- B** i,iii
- C** ii,iv
- D** i,ii,iii

15. Maslahah dibuat bertujuan untuk kebaikan manusia yang meliputi prinsip

- i. *Hajiyyat*
- ii. *Tahsiniyyat*
- iii. *Dharuriyyat*
- iv. *Hamiyyat*

- A** i,ii
- B** i,iii
- C** ii,iv
- D** i,ii,iii

16. Antara berikut, yang manakah tidak benar mengenai Istihsan?

- A** Ia dikenali dengan nama Qiyyas *Khafiy*
- B** Hukum yang diketahui melalui Istihsan bersifat qat'i
- C** Boleh membaca al-Quran dalam keadaan berhaid bersandarkan Istihsan
- D** Sesuatu hukum yang diperolehi melalui Istihsan akan bertentangan dengan hukum yang diperolehi melalui Qiyyas *Jali*

17. Jual beli salam merupakan jual beli yang diharuskan dalam Islam kerana memandang kepada kemaslahatan manusia.

Pernyataan 3

Pernyataan 3 di atas merujuk kepada

- A** Maslahah *Mulghah*
- B** Maslahah *Hajiyyat*
- C** Maslahah *Tahsiniyyat*
- D** Maslahah *Dharuriyyat*

18. Antara berikut yang manakah merupakan golongan yang menerima Masalah Mursalah sebagai sumber hukum?

- i. Imam al-Ghazali
- ii. Imam Ahmad bin Hanbal
- iii. Mazhab Zahiri
- iv. Golongan Syiah

- A i,ii
- B i,iii
- C ii,iv
- D i,ii,iii

19. Jual beli sebahagian barang secara unjuk-mengunjuk tanpa lafaz ijab dan qabul ialah

Pernyataan 4

Pernyataan 4 di atas merujuk contoh kepada

- A Uruf Am
- B Uruf Khas
- C Uruf Perbuatan
- D Uruf Perkataan

20. Uruf boleh digunakan ketika ketiadaan nas syarak jika

- A dilakukan oleh seluruh masyarakat
- B dapat membawa kepada kebaikan
- C tidak bertentangan dengan prinsip syarak
- D telah diterima oleh masyarakat pelbagai kaum

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **tujuh(7)** soalan.

Jawab **enam(6)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Nyatakan sumber hukum yang digunakan ketika zaman Nabi SAW.
(2 Markah)
- b. Jelaskan **dua(2)** perbezaan antara kaedah yang digunakan oleh mazhab Hanafi dan ulama Mut'a'akhirin dalam menyusun ilmu Usul Fiqh.
(4 Markah)
- c. Berikan **empat(4)** faedah mempelajari ilmu Usul Fiqh.
(4 Markah)

SOALAN 2

- a. Jelaskan pengertian ayat Muhkamat dan ayat Mutasyabihat beserta contoh.
(4 markah)
- b. Nyatakan **dua(2)** konsep pembinaan hukum dalam al-Quran.
(2 markah)
- c. Huraikan **dua(2)** hukum yang dibawa oleh al-Quran.
(4 markah)

SOALAN 3

- a. Apakah perbezaan antara Hadis Riwayah dengan Hadis Dirayah?
(2 Markah)
- b. Jelaskan hujah Sunnah yang telah anda pelajari.
(2 Markah)
- c. Nyatakan pengertian berikut:

- i. Sunnah *Taqririyah*
- ii. Sunnah *Filiyyah*
- iii. Sunnah *Qauliyah*

(6 markah)

SOALAN 4

a. Nyatakan pengertian Ijmak dari segi bahasa dan istilah.

(2 markah)

b. Jelaskan **dua(2)** syarat Ijmak yang telah anda pelajari.

(4 markah)

c. Huraikan **dua(2)** pembahagian Ijmak.

(4 markah)

SOALAN 5

a. Berikan **dua(2)** alasan yang diberikan oleh ulama dalam penerimaan Istihsan sebagai sumber hukum.

(2 markah)

b. Nyatakan hujah Imam Syafi'i yang menolak Istihsan sebagai sumber hukum.

(4 markah)

c. Berikan contoh bagi setiap jenis Istihsan yang berikut:

- i. Istihsan dengan nas
- ii. Istihsan berdasarkan uruf
- iii. Istihsan berdasarkan maslahah
- iv. Istihsan berdasarkan darurat

(4 markah)

SOALAN 6

- a. Nyatakan pengertian Masalih Mursalah.
(2 markah)
- b. Jelaskan **dua(2)** pembahagian Masalih Mursalah.
(4 markah)
- c. Huraikan **dua(2)** syarat beramal dengan Masalih Mursalah.
(4 markah)

SOALAN 7

- a. Jelaskan **dua(2)** perbezaan al-Uruf dengan Adat.
(4 markah)
- b. Nyatakan **dua(2)** syarat penerimaan Uruf sebagai sumber hukum.
(2 markah)
- c. Berikan pengertian serta contoh yang berikut:
 - i. Uruf Perbuatan
 - ii. Uruf Khas
(4 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **dua(2)** soalan, jawab **satu(1)** soalan sahaja.

Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Huraikan **empat(4)** cara ilmu Usul Fiqh dapat membantu para graduan Perbankan Islam memahami perjalanan operasi perbankan moden yang bertepatan dengan konsep syariat.

(20 markah)

SOALAN 2

Ilmu Usul Fiqh telah mengalami beberapa peringkat dalam perkembangannya sehingga ilmu ini berjaya disusun dan dibukukan menjadi satu ilmu yang penting bagi ulama dalam mengistinbat hukum.

Huraikan **empat(4)** peringkat sejarah perkembangan ilmu Usul Fiqh dari Zaman Nabi SAW sehingga pembukuannya pada zaman Imam Syafi'i.

(20 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

